

TERHAD



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024

PERNIAGAAN

PROJEK

Kertas 3

3766/3

-
-
1. *Kertas ini mengandungi **satu** tugas projek.*
 2. *Calon wajib melaksanakan tugas projek secara individu.*
 3. *Calon hendaklah menyempurnakan tugas projek ini dengan merujuk kepada elemen, aspek dan kriteria yang telah ditetapkan.*
 4. *Tugas projek ini hendaklah dilaksanakan oleh calon SPM 2024 dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.*
 5. *Calon dikehendaki melengkapkan Jadual Pelaksanaan Tugas Projek untuk memastikan tugas projek dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.*
 6. *Calon dinasihatkan membuat perancangan yang teliti dan melaksanakan tugas projek dengan menggunakan perbelanjaan yang berpatutan dan munasabah.*

Kertas projek ini mengandungi 8 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

TUGASAN PROJEK

1.0 Anda telah menjalankan sebuah perniagaan secara milikan tunggal. Perniagaan anda menjual salah satu daripada produk berikut:

- 1.1 Seni catan
- 1.2 Seni kraf anyaman
- 1.3 Seni kraf tenunan / sulaman

Produk tersebut adalah produk siap yang diperoleh daripada pengusaha tempatan di sekitar kawasan anda dan memasarkannya secara terus kepada pelanggan.

2.0 Perniagaan yang dijalankan telah mengikut prosedur pendaftaran dan pelesenan perniagaan.

3.0 Anda dikehendaki menyediakan satu Rancangan Perniagaan yang lengkap untuk dikemukakan kepada mana-mana institusi kewangan atau badan kerajaan bagi mendapatkan sumber pembiayaan untuk menambah baik strategi campuran pemasaran sedia ada.

4.0 Modal dan pembiayaan

4.1 Modal awal perniagaan terdiri daripada maklumat berikut:

	RM
Bank	50 000
Kelengkapan	15 000
Inventori Awal	4 000

4.2 Maklumat pembiayaan

4.2.1 Jumlah minimum pembiayaan perniagaan adalah RM50 000.

4.2.2 Kadar faedah dan tempoh pembiayaan adalah mengikut bank atau institusi kewangan yang dipilih.

5.0 Maklumat belian dan jualan adalah seperti berikut:

5.1 Peningkatan belian adalah sebanyak 2 % - 5 % setiap bulan daripada bulan sebelumnya.

5.2 Peningkatan jualan adalah sebanyak 3 % - 7 % setiap bulan daripada bulan sebelumnya.

5.3 Perniagaan menyasarkan untung kasar sebanyak 120 % - 150 % pada bulan pertama.

[Lihat halaman sebelah

6.0 Tenaga pekerja

- 6.1 Pekerja terdiri daripada penduduk tempatan (warganegara Malaysia).
- 6.2 Majikan wajib membuat caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk pekerja tetap.
- 6.3 Carta organisasi perniagaan yang sesuai perlu dihasilkan.
- 6.4 Pembahagian kerja dan maklumat gaji pada awal penubuhan perniagaan adalah seperti berikut:

Pekerja Tetap	Gaji Minimum (RM)	Bilangan Pekerja
Pengurusan	2 500	2
Staf sokongan / staf operasi	1 500	2

- 6.5 Pertambahan pekerja baharu terdiri daripada pekerja tetap dan pekerja sambilan bagi memenuhi keperluan semasa perniagaan. Pekerja sambilan ditugaskan di bahagian pemasaran dan teknologi maklumat dengan kadar upah RM9 / jam serta bilangan hari bekerja adalah 15 hari sebulan.

7.0 Perbelanjaan perniagaan

- 7.1 Sewa premis minimum RM3 000 sebulan.
- 7.2 Ubah suai premis minimum RM15 000.
- 7.3 Pembelian kelengkapan secara sewa beli untuk tempoh dua hingga tiga tahun dan dikenakan kadar faedah tertentu.
- 7.4 Aset bukan semasa disusutnilaikan pada kadar 4% - 10% setahun atas kos.
- 7.5 Kenderaan perlu dibeli secara sewa beli.
 - 7.5.1 Tempoh pembiayaan adalah antara lima hingga tujuh tahun.
 - 7.5.2 Kadar faedah pinjaman antara 3% - 6% setahun.
 - 7.5.3 Bayaran pendahuluan 10% - 15% daripada harga kenderaan.
- 7.6 Kos promosi secara digital adalah melibatkan pasaran dalam negara atau luar negara.
- 7.7 Kos-kos lain yang sesuai.

8.0 Perniagaan perlu mengikuti program dan latihan keusahawanan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan, badan berkanun atau pihak swasta yang berkaitan. Anda perlu menyertai satu latihan bagi setiap kategori berikut:

- 8.1 Program galakan perniagaan.
- 8.2 Program strategi pemasaran digital.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

9.0 Rancangan Perniagaan yang dikemukakan hendaklah mempunyai format berikut:

- 9.1 Ringkasan Eksekutif
- 9.2 Pengenalan
- 9.3 Latar Belakang
 - 9.3.1 Perniagaan
 - 9.3.2 Pemilik
 - 9.3.3 Pekerja
- 9.4 Rancangan Pentadbiran / Organisasi
- 9.5 Rancangan Operasi
- 9.6 Rancangan Pemasaran
- 9.7 Rancangan Kewangan
- 9.8 Penutup
- 9.9 Lampiran (dokumen sokongan)

10.0 Anda mestilah mempersempahkan konsep, kreativiti dan idea produk dalam bentuk pembentangan projek atau interaksi sepanjang pelaksanaan tugas projek.

11.0 Idea perniagaan yang dipersembahkan mestilah menjurus kepada penjenamaan produk Malaysia. Anda digalakkan untuk mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber.

12.0 Rancangan Perniagaan ini boleh dihasilkan secara bertulis atau menggunakan perisian komputer. Sekiranya bertulis, tulisan hendaklah kemas manakala perkara berikut perlu dipatuhi jika berbantuan perisian komputer.

- 12.1 Fon : Arial / Times New Roman
- 12.2 Saiz fon : 11 pt. / 12 pt.
- 12.3 Saiz fon bagi tajuk besar atau kecil bergantung kepada kesesuaian
- 12.4 Saiz kertas : A4

13.0 **Rancangan Perniagaan yang lengkap disertakan bersama draf** mesti dikemukakan oleh calon secara individu sebagai **evidens proses kerja**.

14.0 Setiap elemen akan dikurangkan satu gred sekiranya Rancangan Perniagaan tidak disertakan dengan draf.

15.0 Semua bentuk lakaran, lukisan, gambar rajah atau tulisan mestilah jelas.

16.0 Gambar atau ilustrasi tambahan hendaklah dilekatkan dengan kemas supaya tidak tercincir.

[Lihat halaman sebelah

- 17.0** Calon diperuntukkan 12 minggu untuk menyiapkan tugas projek. Jadual Pelaksanaan Tugasan Projek di **Lampiran 1** (Halaman 6).
- 18.0** Calon dikehendaki menandatangani borang Perakuan Calon tentang ketulenan hasil projek di **Lampiran 2** (Halaman 7).
- 19.0** Calon juga perlu menyertakan Senarai Semak dan Penilaian Guru berkaitan tugas projek di **Lampiran 3** (Halaman 8).

TUGASAN TAMAT

Lampiran 1**Jadual Pelaksanaan Tugasan Projek**

PROSES TUGASAN	TEMPOH PELAKSANAAN											
	MINGGU											
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
Taklimat Tugasan oleh Guru												
Penyerahan Tajuk												
Pengenalan												
Latar Belakang Perniagaan												
Latar Belakang Pemilik												
Latar Belakang Pekerja												
Rancangan Pentadbiran / Organisasi												
Rancangan Operasi												
Rancangan Pemasaran												
Rancangan Kewangan												
Ringkasan Eksekutif												
Penutup dan Isi Kandungan												
Pembentangan												
Penyerahan Rancangan Perniagaan yang lengkap												
Penilaian Akhir												
Kemasukan markah secara dalam talian ke sistem Lembaga Peperiksaan	Sebelum 15 November 2024											

[Lihat halaman sebelah

Lampiran 2

**Perakuan Calon
Ketulenan Hasil Projek Kertas 3766/3
Sijil Pelajaran Malaysia
Tahun 2024**

Saya mengakui bahawa hasil projek yang dikemukakan untuk memenuhi syarat Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2024 bagi mata pelajaran Perniagaan 3766/3 adalah tulen.

Nama Sekolah : _____

Nama Calon : _____

No. Pengenalan Diri : _____

Angka Giliran : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Borang perakuan ini mestilah disertakan di bahagian hadapan Rancangan Perniagaan.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

Lampiran 3



Senarai Semak dan Penilaian Guru

Nama Calon :.....

No. Pengenalan Diri :.....

Bil.	Aktiviti dalam penghasilan projek (Diisi oleh Calon)	Semakan 1		Semakan 2		Semakan 3	
		Gred	Tandatangan Guru / Tarikh	Gred	Tandatangan Guru / Tarikh	Gred	Tandatangan Guru / Tarikh